

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 FEBRUARI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Produktiviti buruh terus naik tahun lalu

Produktiviti buruh terus naik tahun lalu

PETALING JAYA – Produktiviti buruh Malaysia, yang dinyatakan sebagai nilai ditambah per pekerja pada suku tahun keempat (S4) 2022 naik 3.6 peratus (S3 2022: 10.2 peratus), seajar dengan perkembangan ekonomi pada suku berkenaan, menurut Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, pada suku ini, bilangan pekerja meningkat 3.2 peratus (S3 2022: 3.6 peratus) dengan merekodkan peningkatan nilai ditambah bagi setiap pekerja pada suku keempat 2022 kepada RM24,915 (S4 2021: RM24,047).

"Kerancakan aktiviti perniagaan pada suku ini ditunjukkan pada peningkatan jumlah jam bekerja sebanyak lima peratus

kepada 9.2 billion jam (S3 2022: sembilan billion jam).

"Produktiviti buruh yang diukur mengikut nilai ditambah per jam bekerja turut bertumbuh 1.9 peratus kepada RM43.10 (S4 2021: RM42.30 per jam)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dari segi produktiviti buruh, semua sektor mencatatkan kenaikan didahului oleh sektor pembinaan sebanyak 10 peratus, diikuti sektor perlombongan dan pengkuarian 6.5 peratus serta sektor perkhidmatan yang naik empat peratus.


Tiga subsektor mengukuh pada pertumbuhan dua digit iaitu hartanah dan perkhidmatan perniagaan (21.7 peratus); makanan & minuman dan pengiranian (16.4 peratus); serta pe-

ngangkutan dan penyimpanan (11.9 peratus).

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan produktiviti buruh bagi tahun 2022, Ketua Perangkawan berkata, produktiviti buruh per pekerja bagi tahun 2022 mengukuh 5.4 peratus (2021: 1.8 peratus) dengan merekodkan nilai ditambah per pekerja sebanyak RM95,628 (2021: RM90,697 per pekerja).

"Nilai ditambah per jam bekerja naik 1.8 peratus (2021: -2.6 peratus) dengan nilai RM41.70 (2021: RM41 per jam).

"Kedua-dua nilai produktiviti buruh per jam bekerja dan produktiviti buruh per pekerja masing-masing telah melepassi tahun 2019 (RM40.7 per jam, RM94,138 per pekerja)," jelasnya.



PRODUKTIVITI buruh di Malaysia tahun lalu telah pun mengatasi tahap sebelum pandemik. – GAMBAR HIASAN